

TARIKH : 10 SEPTEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3

## Kadar pengangguran menurun

# Kadar pengangguran menurun

**Pembukaan ekonomi sedia lebih banyak peluang kerja, perniagaan**

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pasaran pekerjaan di negara ini bertambah kukuh pada Julai, dengan kadar pengangguran mencatatkan 3.7 peratus, menghampiri paras prapandemik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata kadar pengangguran terkini jauh lebih baik berbanding 4.5 peratus

yang dicatatkan pada 2021 dan 4.2 peratus pada Januari 2022.

"Bilangan penganggur terus menurun kepada 620,700 orang, berbanding 630,600 orang pada Jun 2022," katanya dalam satu kenyataan susulan penerbitan Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Julai 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), semalam.

### Penduduk bekerja meningkat

Mustapa berkata, bilangan penduduk bekerja pada Julai 2022 terus mencatatkan pertumbuhan positif 0.3 peratus kepada 15.98 juta orang, berbanding 15.94 juta orang pada bulan sebelumnya.

Mengikut sektor ekonomi, beliau berkata, bilangan penduduk bekerja di sektor perkhidmatan semakin meningkat, terutama dalam aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman; perdaga-

ngan borong dan runcit serta aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan.

"Guna tenaga dalam sektor pembuatan dan pembinaan turut menunjukkan peningkatan, kecuali bagi sektor pertanian serta perlombongan dan pengkuarian yang mencatatkan penurunan," katanya.

Beliau berkata, kedudukan tenaga buruh pada Julai 2022 juga bertambah baik berikutan peningkatan berterusan dalam bilangan tenaga buruh sebanyak 0.2 peratus bulan ke bulan merekodkan 16.6 juta orang.

"Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) yang lebih tinggi direkodkan pada bulan itu iaitu

69.6 peratus," katanya.

Mustapa menambah, pasaran pekerjaan lebih kukuh itu disokong kedudukan ekonomi yang bertambah baik bagi suku kedua 2022 dengan pertumbuhan yang semakin mantap pada kadar 8.9 peratus, menjadikan ekonomi Malaysia berkembang 6.9 peratus pada separuh pertama tahun ini.



Mustapa Mohamed

"Peningkatan aktiviti ekonomi dan sosial yang kembali normal, terutama susulan pembukaan sempadan negara sejak 1 April 2022 memberi impak positif terhadap pasaran buruh negara, yang mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan," katanya.

Beliau berkata, momentum pe-

mulihan pasaran buruh juga selaras dengan pelaksanaan inisiatif kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri seperti program JaminKerja-Insentif Penggajian (JKIP) dan pewujudan Portal Pekerjaan Negara, MyFutureJobs.

"Kerajaan akan terus berusaha meningkatkan peluang pekerjaan dan kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya.

Menuju ke hadapan, Mustapa berkata, pasaran buruh dijangka terus kukuh pada suku tahun ketiga, dengan jangkaan prestasi perniagaan lebih baik.

Beliau berkata, petunjuk keyakinan mencatat 4.7 peratus bagi suku ketiga tahun 2022 berbanding 3.5 peratus pada suku kedua.

"Ini menggambarkan situasi ekonomi dijangka lebih baik pada suku ketiga tahun ini," katanya.